

# SUKMA: ESTHER INTAI DUA EMAS MEMANAH

WARTAWAN SINAR HARIAN

22 JULAI 2016



Dari kiri, trio memanah Sarawak, Kho Yee Ting, Vanessa Voon Li Ping dan Esther melihat sasaran panahan mereka ketika sesi latihan, semalam.

**PEMANAH** muda Sarawak, Esther Yong Yin Ze mengintai sekurang-kurangnya dua pingat emas dalam acara compound Sukma yang akan membuka tirai secara rasmi esok.

Pelajar tingkatan empat berusia 17 tahun itu, menarasarkan pingat emas dalam acara berpasukan dan satu lagi bagi acara individu daripada enam kategori yang bakal disertainya.

Esther yang berasal dari Miri itu antara 16 pemanah yang membawa cabaran tuan rumah, yang meletakkan sasaran muncul juara keseluruhan temasya itu.

“Sasaran peribadi saya memang dua emas tetapi akan cuba mendapatkan sebanyak mana pingat yang boleh,” katanya ketika ditemui Bernama pada sesi latihan pasukan itu di Kompleks Sukan Petra Jaya di sini, semalam.

Esther akan mengambil bahagian acara berpasukan serta lima acara individu iaitu 70 meter, 60m, 50m, 30m dan pusingan Olimpik yang bermula 24 hingga 29 Julai di Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) di Kota Samarahan.

Sementara itu, ketua jurulatih skuad memanah Sarawak Abdul Razak Yaacob berkata, skuad negeri tersebut hanya menetapkan sasaran satu pingat emas, perak dan gangsa daripada 24 emas yang dipertandingkan kerana kebanyakan pemanahnya muka baharu yang disiapkan untuk Sukma 2018 di Perak.

“Hampir 80 peratus pemanah pelajar sekolah yang bakal membuat penampilan pertama di Sukma selepas atlet sebelum ini melepassi had umur. Bagi tahun ini mereka akan diberi pendedahan dahulu. Mengenai pencarian bakat, saya selalunya akan mencari di kejohanan memanah yang diadakan di seluruh negeri,” katanya.